

18 Julai 2022

Untuk Hebahan Segera



KENYATAAN MEDIA
ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Islamic Relief Malaysia Perkenalkan Konsep #kitakasihkitakongsi, Bantu Golongan B40

BANGI – Islamic Relief Malaysia tampil prihatin memperkenalkan kempen Rezeki Bersama dengan tagline #kitakasihkitakongsi bermula 18 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022.

Projek ini menyasarkan kutipan dana sebanyak **RM500,000** sebagai permulaan.

Inisiatif ini dilaksanakan sebagai intervensi jangka masa pendek, juga alternatif sementara untuk keluarga yang terputus bekalan makanan mendapatkan akses keperluan asas dengan segera.

Bantuan **bernilai RM250** akan diberikan dalam bentuk **baucar tunai bagi keluarga terjejas kewangan dari golongan B40 dan ke bawah yang tinggal di semenanjung**, manakala untuk **Sabah dan Sarawak** pula, kaedah pelaksanaan bantuan menggunakan **pek makanan**.

Penawaran dua kaedah berbeza ini adalah mengikut keperluan semasa untuk memudahkan para penerima bantuan berdasarkan hasil penilaian yang dijalankan kakitangan Islamic Relief di lapangan.

“Melihat kepada peningkatan kes-kes masalah mental sehingga dua ke tiga kali ganda ketika pandemik berbanding sebelumnya, kami sangat khuatir keadaan ini akan menjadi lebih kritikal ekoran isu kenaikan harga barang juga tekanan kos sara hidup yang tinggi.

“Kami maklum, semua orang di saat ini sedang terjejas dari sudut kewangan, namun tahap kepayahan yang kita lalui berbeza-beza. Jadi, Islamic Relief cuba untuk mengajak masyarakat menzahirkan empati dengan berkongsi rezeki bersama-sama.

“Kadangkala, kita memberi bukan kerana kita kaya, tetapi kerana kita faham betapa sukarnya meneruskan hidup dengan perut yang kosong dan tiada tempat untuk bergantung harap,” kata Zairulshahfuddin Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Jabatan Komunikasi Strategik** di talian 03-8926 3434 atau

emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian di laman sesawang www.islamic-relief.org.my atau hubungi 03-8926 3434 untuk maklumat lanjut.

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, makanan, kesihatan, pendidikan, pembangunan komuniti serta air, sanitasi dan kebersihan.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjana dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Fikir KEMANUSIAAN, Fikir ISLAMIC RELIEF!

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,
Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia

- Tamat-
